

MPC(SBO)100-9/1/1

9 Februari 2024

YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, JP

Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
88400 KOTA KINABALU, SABAH.

YB Datuk Seri Panglima Sr.,

JEMPUTAN UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPAN ALUAN BAGI PERSIDANGAN MYMUDAH @ PEMUDAHCARA SABAH MAJU JAYA (SMJ) PERINGKAT NEGERI SABAH 2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Datuk Seri Panglima Sr., Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan menganjurkan **Persidangan MyMudah @ PemudahCara Sabah Maju Jaya (SMJ) Peringkat Negeri Sabah** pada **4 Mac 2024 (Isnin)** yang akan **dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN)**. Persidangan ini diadakan sebagai salah satu platform bagi menyebarkan inisiatif MyMudah @ PemudahCara SMJ kepada setiap Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan agenda Amalan Baik Peraturan dapat diperkasakan dan direalisasikan.

3. Sehubungan dengan itu, MPC berbesar hati ingin menjemput YB Datuk Seri Panglima Sr. untuk menyampaikan Ucapan Aluan pada sesi persidangan tersebut. Persidangan ini akan dianjurkan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **4 Mac 2024 (Isnin)**
Masa : **2.40 petang**
Tempat : **The Magellan Sutera Resort**
Atur Cara : **Lampiran 1**

4. Persidangan ini juga menjadi salah satu platform perkongsian kejayaan pelaksanaan inisiatif MyMudah oleh agensi pengawal selia dan pemain industri dalam mengurangkan beban peraturan tidak wajar yang dihadapi oleh perniagaan pasca pandemik. Penglibatan YB Datuk Seri Panglima Sr. dalam program ini adalah dialu-alukan dalam menggalakkan pembentukan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi melonjakkan pertumbuhan produktiviti, daya saing dan ekonomi negeri melalui kerjasama awam-swasta.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YB Datuk Seri Panglima Sr. boleh berhubung dengan Pn. Lee Wan Swanee atau Pn. Nadira Isan melalui talian +6012-9630567/ +6019-5317185 atau e-mel swanee@mpc.gov.my / nadira@mpc.gov.my.

6. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh pihak YB Datuk Seri Panglima Sr. dalam menjayakan inisiatif ini di peringkat negeri Sabah amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in blue ink, appearing to be 'Edward Binty', with a stylized, flowing script.

(EDWARD BINTY)

Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Wilayah Sabah

**ATUR CARA
PERSIDANGAN MYMUDAH @ PEMUDAHCARA SABAH MAJU JAYA (SMJ) PERINGKAT
NEGERI SABAH 2024**

TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)
MASA : 2.30 petang – 5.00 petang
TEMPAT : THE MAGELLAN SUTERA RESORT

Objektif:

1. Menggalakkan penggunaan reformasi peraturan yang berjaya untuk mempercepat pertumbuhan produktiviti, pelaburan, perdagangan dan ekonomi negeri.
2. Memperkasakan MyMudah @ PemudahCara Sabah Maju Jaya (SMJ) sebagai mekanisma mereformasi peraturan perniagaan bagi mempercepatkan penciptaan peluang pekerjaan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Masa	Program
1.30 tengah hari	Ketibaan Peserta Persidangan
1.45 tengah hari	Ketibaan Setiausaha-Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri
2.15 petang	Ketibaan YBhg. Datuk Makhzan bin Mahyuddin Setiausaha Persekutuan Sabah
2.20 petang	Ketibaan YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, JP Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
2.25 petang	Ketibaan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali Ketua Setiausaha Negara
2.30 petang	Nyanyian Lagu - Negaraku - Sabah Tanah Airku - Sabah Maju Jaya - Integriti Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Bacaan Doa
2.40 petang	Ucapan Aluan YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, JP Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
2.50 petang	Ucapan Perasmian YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali Ketua Setiausaha Negara
3.00 petang	Peluncuran Platform PemudahCara SMJ Penyampaian Sijil <i>Productivity Champion (PC)</i> Penyampaian Anugerah Tokoh Produktiviti

3.20 petang	PEMBENTANG UTAMA Memacu Produktiviti Negeri Melalui Peraturan Berkualiti oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
3.40 petang	FORUM PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERATURAN KERAJAAN NEGERI i. Inisiatif Sabah Mesra Pelabur (SMP) – Memudahkan Pelaburan bagi Melonjakkan Produktiviti – Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan (MIDE); ii. Memudahkan Pelaburan Melalui Inisiatif E10: Permit Pembinaan Ekspress – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK); dan iii. Memudahkan Pelaburan Melalui Inisiatif Kulai <i>Fast Lane</i>-Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) Sesi Soal Jawab
4.40 petang	Ucapan Penutup YBrs. En. Zahid Ismail Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
5.00 petang	Minum Petang dan Sesi Tamat